



AIR NAIK: Balai Polis Pelabuhan Klang dinaiki air pasang besar di Klang, awal pagi semalam.

BH 9/10

Kawasan rendah dinaiki air pasang besar

PELABUHAN KLANG: Limpahan air laut berlaku di beberapa kawasan rendah berikutan fenomena air pasang besar berada pada paras tertinggi, awal pagi semalam.

Pada paras air setinggi enam meter, walaupun tanpa hujan lebat mahupun angin kencang, air laut dijangka melimpah ke daratan berikutan benteng hanya setinggi 5.7 meter.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati pekarangan jeti Pulau Ketam dan Balai Polis Pelabuhan Klang dinaiki air separas lutut kira-kira jam 6 pagi tetapi surut selepas sejam.

Jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan, kawasan Perindustrian Sobena, Pandamaran dan Kawasan Kilang Sungai Aur

FAKTA NOMBOR

Air pasang besar

5.6m

Paras air mula

5.9m

Paras air meningkat

6m

Paras air paling tinggi

turut dinaiki air setinggi 0.3 meter.

Beberapa jalan raya di kawasan berhampiran pantai atau sungai, antaranya sekitar Kampung Perepat, Kapar juga dinaiki air tetapi boleh dilalui semua jenis kenderaan.

Pelbagai jabatan, antaranya Jabatan Pertahanan Awam 3 (JPA3), Rela dan polis mengambil langkah waspada dengan pemantauan di kawasan rendah sejak tiga hari lalu.

Fenomena yang pernah menenggelamkan bandar ini, bermula Jumaat lalu dengan ketinggian paras air pada 5.6 meter dan meningkat kepada 5.9 meter (kelmarin) dan enam meter (semalam).

Hari ini, air laut dijangka mencapai 5.9 meter sebelum 5.6 meter hari terakhir fenomena itu esok.